

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berkenaan pengecualian dasar "*cabotage*" terhadap aktiviti perkapalan kargo dari pelabuhan di Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Labuan yang berkuatkuasa pada 1 Jun 2017, selepas lebih daripada dua tahun pelaksanaan, adakah ianya berkesan membawa turun harga barang di Sabah, Sarawak dan Labuan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan pada 19 September 2018 telah menetapkan bahawa perumusan kesan pelaksanaan pengecualian Dasar Kabotaj di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan memerlukan tempoh satu (1) atau dua (2) tahun.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia sedang melantik syarikat perunding untuk membuat satu kajian bagi menilai impak pengecualian Dasar Kabotaj di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan tersebut. Kajian ini akan meliputi aspek kos sara hidup, kos pelaksanaan perniagaan serta kos logistik dan perkhidmatan perkapalan.
3. Pelantikan syarikat dijangka akan dimuktamadkan pada suku pertama tahun 2020.

Sekian, terima kasih.